



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-43

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

4 Mac 2021



PENGENALAN

1. **Laporan LAKSANA ke-43** ini akan menyentuh status pelaksanaan BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA dan KITA PRIHATIN, serta ulasan isu semasa. Status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

ULASAN ISU SEMASA

A. SETAHUN MALAYSIA PRIHATIN

2. Minggu ini menyaksikan genap setahun Kerajaan Perikatan Nasional dibentuk. Sepanjang tempoh itu, kita berhadapan dengan krisis yang tidak pernah kita alami sebelum ini, iaitu pandemik COVID-19. Penularan wabak ini bukan sahaja mengakibatkan krisis kesihatan tetapi juga krisis ekonomi. Sebagai Kerajaan yang prihatin, cabaran utama kita dalam mengurus krisis ini ialah untuk mengimbangi antara nyawa rakyat dan kelangsungan hidup.
3. Dari aspek kesihatan, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan pematuhan SOP yang ketat telah membantu mengawal penularan pandemik ini. Namun begitu, tunjang pemulihan kesihatan awam kita ialah Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di mana kita mensasarkan vaksinasi 80% penduduk Malaysia untuk mencapai imuniti kelompok. Baru-baru ini saya telah bermesyuarat bersama YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Kesihatan, dan YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi & Inovasi, untuk membincangkan lebih lanjut mengenai pelaksanaan PICK. Tumpuan kami ialah untuk memastikan sumber yang mencukupi dan juga memudahcara proses bagi menyegerakan urusan pembelian vaksin. Untuk makluman semua, sehingga 3 Mac

2021, lebih 1.7 juta orang telah mendaftar untuk menerima vaksin di aplikasi MySejahtera. Jumlah ini masih lagi jauh dari sasaran kita iaitu 27 juta penduduk. Oleh itu, jangan lupa untuk mendaftar diri anda bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

4. Dari aspek ekonomi pula, Kerajaan telah memperkenalkan empat pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion dan satu pakej bantuan bernilai RM15 bilion. Ini belum mengambilkira Belanjawan terbesar dalam sejarah Malaysia bernilai RM322.5 bilion. Semua ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan bagi memastikan kebajikan rakyat terus terjamin dan memulihkan kembali kelembapan ekonomi negara yang dihadapi ekoran pandemik yang melanda dunia pada hari ini.
5. Kerajaan juga akan merangka langkah-langkah tambahan dalam tempoh terdekat untuk menyediakan bantuan secara bersasar kepada kumpulan rentan, terutamanya golongan miskin serta golongan yang mengalami kehilangan pendapatan; dan meningkatkan sokongan kepada perniagaan, khususnya perniagaan yang masih tidak dapat beroperasi dan perniagaan yang sedang dalam proses pembukaan semula pasca PKP.

B. BAYARAN UNTUK PERMOHONAN i-SINAR SEDIA ADA BERMULA 2 MAC 2021

6. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan PKP bagi memerangi penularan pandemik Covid 19. Salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat ialah pemansuhan kriteria kemudahan i-Sinar. Sehubungan dengan itu, permohonan yang dibuat sebelum 25 Februari akan diberi kelulusan secara berperingkat dan bayaran akan dibuat **bermula 2 Mac 2021**. Ia melibatkan permohonan yang masih menunggu keputusan kelulusan dan yang berstatus tidak lulus, sebelum penambahbaikan i-Sinar tanpa kriteria dibuat.
7. **Permohonan baharu** yang mencerminkan pemansuhan kriteria akan **dibuka bermula 8 Mac 2021 kepada semua ahli di bawah umur 55 tahun**, tertakluk kepada baki di dalam Akaun 1 ahli. Bermula 8 Mac 2021 juga, ahli akan diberikan kelonggaran untuk membuat pindaan pada butiran permohonan seperti jumlah dipohon, maklumat bank, alamat, nombor telefon serta mod bayaran di laman i-Sinar Online.
8. Saya yakin perkembangan ini sangat ditunggu-tunggu oleh rakyat di luar sana. Adalah diharapkan kemudahan i-Sinar ini akan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung.

C. DIGITAL NASIONAL BERHAD MEMACU PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 5G MALAYSIA

9. Susulan pengumuman rangka tindakan digital Malaysia, MyDigital, oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 18 Februari 2021, dan pengumuman Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengenai pelancaran 5G di Malaysia, sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV), Digital Nasional Berhad (DNB), telah ditubuhkan khusus bagi pembangunan teknologi 5G.

10. Adalah sangat penting untuk kita melancarkan pelan rangkaian 5G segera, secara sistematik dan profesional untuk memacu inisiatif pertumbuhan negara melalui MyDigital, yang bertujuan untuk memastikan kemajuan sosio-ekonomi dan keterangkuman bagi semua rakyat Malaysia. Kita tidak boleh ketinggalan di kala seluruh dunia pantas menggunakan teknologi untuk terus mencipta peluang baru bagi pertumbuhan masa hadapan.
11. Bagi membantu Malaysia mencapai aspirasi 5G negara, Kerajaan berharap dapat bekerjasama dengan sektor swasta di dalam industri telekomunikasi domestik. Dengan fokus DNB kepada pelaburan infrastruktur 5G, pemain sektor swasta dapat menumpukan usaha mereka kepada penyampaian produk dan perkhidmatan yang lebih baik, tanpa dibebani oleh pelaburan yang besar, atau perbelanjaan modal yang bertindih dengan Kerajaan. Ini adalah satu situasi yang memanfaatkan semua pihak, termasuk pengusaha telekomunikasi, perniagaan dan pengguna, demi penumpuan usaha ke arah penyediaan 5G menjelang akhir 2021.

C. SUKUK PRIHATIN - MALAYSIA SEBAGAI PEMIMPIN KEWANGAN ISLAM

12. Sukuk Prihatin, sukuk digital Malaysia bernilai RM666 juta yang dilancarkan tahun lalu meraih Urus Niaga Terbaik Keseluruhan di Anugerah Islamic Finance News 2020. Ia turut memenangi anugerah Urus Niaga Paling Inovatif dan Urus Niaga Terbaik Malaysia.
13. Penghargaan ini adalah bukti kebolehan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif dan inovatif dalam sektor Kewangan Islam. Pengiktirafan terkini bukan sahaja membuktikan keupayaan industri Kewangan Islam Malaysia, tetapi juga petunjuk kepada tahap responsif industri kita terhadap keperluan pembiayaan bagi tujuan sosio-ekonomi.
14. Penyertaan dalam Sukuk Prihatin oleh pelabur runcit dan institusi adalah amat penting dalam usaha membantu golongan sasaran mendepani cabaran COVID-19. Semangat perpaduan kita yang telah menyumbang kepada usaha pembangunan negara - dengan pilihan untuk para pelabur menderma jumlah pokok - menyerlahkan kebolehan kita berbanding finalis lain.
15. Saya yakin bahawa sukuk digital pertama ini akan menjadi permulaan kepada lebih banyak sukuk yang serupa, dan akan mengukuhkan lagi kedudukan ulung Malaysia sebagai pemimpin sektor Kewangan Islam, seperti yang telah dibuktikan oleh Petunjuk Ekonomi Islam Global, di mana Malaysia berada di tempat pertama antara 81 negara lain buat tahun kelapan berturut-turut.

D. 1MDB - TIADA KOMPROMI DALAM MENEGAKKAN KEADILAN

16. 1MDB merupakan antara skandal kewangan terbesar melanda negara. Sepanjang tempoh setahun ini, Kerajaan tidak pernah berkompromi di dalam menegakkan keadilan dan memastikan individu yang terlibat terus didakwa di mahkamah.
17. Pada bulan Julai 2020, Kerajaan telah berjaya di dalam rundingan dengan Goldman Sachs untuk mencapai penyelesaian bernilai RM15.8 bilion (USD3.9 bilion). AMMB

Holdings Berhad juga telah bersetuju dengan penyelesaian global bernilai RM2.83 bilion untuk menyelesaikan semua tuntutan dan tindakan tertunggak berkaitan dengan penglibatan Kumpulan AmBank di dalam isu 1MDB.

18. Terkini, Deloitte PLT telah bersetuju dengan penyelesaian RM324 juta (USD80 juta) untuk menyelesaikan semua tuntutan yang berkaitan dengan kewajipan fidusiari mereka semasa mengaudit akaun 1MDB dan SRC International Sdn Bhd untuk tempoh 2011 - 2014. Penyelesaian dengan Deloitte merupakan penyelesaian berkaitan 1MDB yang terbesar oleh firma audit di Asia Tenggara. Penyelesaian ini adalah sebahagian daripada usaha tuntutan oleh Kerajaan Malaysia yang berterusan terhadap semua pihak yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dengan 1MDB dan entiti yang berkaitan dengannya.
19. Penyelesaian terbaharu ini bermanfaat bagi rakyat Malaysia. Penyelesaian perkara ini melalui sistem mahkamah akan melibatkan masa dan sumber kewangan yang banyak. Dengan penyelesaian ini, pembayaran jumlah tersebut akan dipercepatkan, dan tidak akan tertangguh melalui sistem pengadilan mahkamah yang akan memakan masa. Jumlah ini juga dapat digunakan untuk melangsaikan kewajipan tertunggak 1MDB.
20. Penyelesaian global ini juga tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan tuntutan Malaysia terhadap individu seperti Jho Low, Jasmine Loo dan pihak-pihak lain yang berkaitan, dan yang masih giat dicari berkaitan dengan skandal 1MDB.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

21. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu: **Memperkasakan Rakyat; Melonjakkan Perniagaan; dan Merangsang Ekonomi**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

22. **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0:** Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 19 Februari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai **RM12.764 bilion**.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
19 Februari	12.764**	2.640	322,177
12 Februari	12.763**	2.640	322,177
5 Februari	12.763**	2.640	322,177
29 Januari	12.757**	2.640	322,177
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175

25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

1. **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan:** Setakat 19 Februari, seramai **130,871 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Untuk maklumat lanjut, sila layari

(<https://www.perkeso.gov.my/186-penjana/803-program-insentif-pengambilan-pekerja-dan-bantuan-latihan.html>)

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
19 Februari	105,250	17,591	7,536	494	130,871
12 Februari	105,250	17,591	7,536	494	130,871
5 Februari	105,250	17,591	7,536	494**	130,871
29 Januari	105,160	17,586	7,534	548	130,328
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif .

** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan

	Bermotor dan Motosikal	Bermotor dan Motosikal	Bermotor dan Motosikal		Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

23. **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran:** Setakat 19 Februari, seramai **135,751 peserta telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang tertera di bawah, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>

5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

24. **Pembiayaan PKS PENJANA:** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 19 Februari, sebanyak **6,731 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.259 bilion**.

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
19 Februari	6,731	1,258.5
12 Februari	6,731	1,258.5
5 Februari	6,613	1,244.7
29 Januari	6,507	1,231.4
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

25. **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA:** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat 19 Februari, terdapat **579 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **282 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM57.1 juta**. Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf
26. **Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN):** Setakat 19 Februari, sebanyak **RM363.4 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **10,774 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
19 Februari	10,774	363.4
12 Februari	10,774	363.4
5 Februari	10,774	363.4
29 Januari	10,037	340.0
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

27. **Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB):** Bantuan dana khas ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan antara RM100,000 dan RM1 juta bagi PKS terlibat. Setakat 19 Februari, dana ini telah disalurkan kepada 572 PKS melibatkan jumlah RM161.7 juta. Untuk maklumat lanjut, sila layari [https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan Lazim BRF FINAL.pdf](https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan_Lazim_BRF_FINAL.pdf)

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

28. **Pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang:** Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Setakat 19 Februari, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah RM232.96 juta. Seperti yang dimaklumkan, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun 2021, sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

29. **Program Subsidi Upah (PSU 2.0):** Setakat 19 Februari, sejumlah RM808.31 juta telah disalurkan kepada 66,591 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 554,876 pekerja. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
19 Februari	808.31	554,876	66,591
12 Februari	770.31	534,183	65,398
5 Februari	770.31	534,183	65,398
29 Januari	741.16	518,793	64,345
25 Disember	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203

*Jumlah Kumulatif

PENUTUP

30. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
4 Mac 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 19 Februari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM18.10 bilion dan melibatkan 5.16 juta penerima (berbanding RM17.67 dan melibatkan 5.15 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 19 Februari 2021, sebanyak RM484.85 juta telah disalurkan berdasarkan 1,453,454 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

3.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 19 Februari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.63 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,628 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1" data-bbox="528 544 1409 1182"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>19 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>12 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>5 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>29 Januari</td><td>11.60</td><td>24,613</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imsME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	19 Februari	11.63	24,628	12 Februari	11.63	24,628	5 Februari	11.63	24,628	29 Januari	11.60	24,613	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																										
19 Februari	11.63	24,628																																										
12 Februari	11.63	24,628																																										
5 Februari	11.63	24,628																																										
29 Januari	11.60	24,613																																										
25 Disember	11.29	24,012																																										
27 November	11.13	23,711																																										
30 Oktober	10.87	23,305																																										
25 September	10.67	22,984																																										
28 Ogos	10.3	22,440																																										
Julai	9.6	21,410																																										
Jun	8.4	19,539																																										
Mei	6.9	16,833																																										
April	1.5	3,636																																										

LAMPIRAN 2 - PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT		
1.	Subsidi Pengangkutan Awam MY30	Setakat 19 Februari , sebanyak RM127.74 juta telah disalurkan bagi langganan 751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai RM30 ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia. Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.

MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN			
1.	Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRs) khas untuk PKS Mikro	Dana RM100 juta ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan 14,946 PKS Mikro .	
2.	Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).	Setakat 19 Februari, RM40.5 juta telah disalurkan kepada 8,580 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan	
		Tarikh Setakat	Permohonan Disalurkan
		Jumlah Disalurkan* (RM juta)	
		19 Februari	8,580
		12 Februari	40.5
		5 Februari	8,577
		29 Januari	8,576
		25 Disember	5,691
		27 November	3,274
		30 Oktober	1,134
		25 September	439
		perkhidmatan digitalisasi.	
		*Jumlah kumulatif	

MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI		
3.	Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan	Pembiayaan bernilai RM400 juta telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Sebanyak RM85.6 juta telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan 7,723 PKS Mikro pertanian . Jaminan makanan (food security) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021.
4.	Pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi	Merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Nilai pengecualian duti eksport

		yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak RM593.9 juta.
5.	Pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel	Khusus untuk menyokong sektor pelancongan sehingga 30 Jun 2021. Nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah nilai RM1.37 bilion . Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya.